

KHUTBAH JUMAAT

“AKHLAK MULIA PELINDUNG REMAJA” (14 November 2025M/ 23 Jamadilawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbaharui takwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa. Takwa yang bukan hanya di bibir, bahkan membimbing hati dan tingkah laku. Dengan takwa, hidup menjadi terarah; tanpa takwa, hati menjadi gelap dan mudah dipengaruhi hawa nafsu.

Kita hidup di zaman yang penuh ujian terhadap jiwa anak muda. Musuh tidak lagi datang dengan pedang, tetapi dengan skrin di tangan. Mereka diserang bukan oleh tentera, tetapi oleh gelombang maklumat dan hiburan tanpa sempadan. Dalam satu hari, ribuan mesej, gambar dan video menembusi hati dan membentuk nilai mereka sebelum kita sempat menegur.

Inilah realiti zaman kita. Dunia berubah begitu cepat, tetapi nilai

sedang pudar perlahan-lahan. Maka, khatib pada hari ini menyeru seluruh jemaah kepada topik yang amat penting iaitu: “**Akhlak Mulia Pelindung Remaja**”.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Usia remaja adalah salah satu fasa kehidupan yang akan ditempuh oleh setiap orang. Ia tempoh berlakunya nafsu yang membara, semangat yang tinggi, dan berlakunya proses pembentukan identiti diri. Dalam fasa inilah, mereka belajar mengenal benar dan salah, membina prinsip, dan mencari erti diri. Jika remaja kuat akhlaknya, mereka akan menjadi pemimpin yang membawa kebaikan. Tetapi jika mereka hilang nilai, mereka akan menjadi generasi yang mudah dipengaruhi hawa nafsu.

Oleh sebab itu, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memberi perhatian besar kepada generasi muda. Baginda tidak menghukum mereka dengan kasar, tetapi mendidik dengan kasih dan hikmah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

Ayat tadi bukan hanya perintah kepada ibu bapa, tetapi juga kepada seluruh masyarakat. Kita semua bertanggungjawab menjaga dan membina akhlak generasi muda agar mereka tidak hanyut dalam arus dunia tanpa pedoman. Jika kita gagal mendidik hari ini, maka esok kita akan menangis melihat generasi yang hilang malu, hilang hormat, dan hilang Tuhan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan kepada laporan daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia, terdapat lebih 9.5 juta remaja berumur 15 hingga 30 tahun iaitu hampir 28% daripada keseluruhan penduduk negara. Mereka bukan sekadar angka dalam laporan, tetapi amanah besar yang akan menentukan masa depan agama dan bangsa.

Namun, agak membimbangkan apabila statistik Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan sebanyak 7,681 kes buli direkodkan pada tahun 2024 berbanding 3,883 kes pada tahun 2022. Hampir 70 peratus kes buli berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Itu belum termasuk gejala lain seperti ponteng, pergaulan bebas, penyalahgunaan media sosial, dan keruntuhan moral yang tersembunyi di sebalik skrin telefon.

Justeru, ini bukan sekadar masalah disiplin. Apa yang kita bimbangkan ini adalah tanda ada hati yang sedang sakit, dan iman yang sedang melemah. Kita tidak boleh menuding jari semata-mata kepada remaja, kerana mereka tidak lahir dalam kekosongan.

Kitalah masyarakat yang membentuk persekitaran mereka dengan contoh, dengan teladan, atau dengan kelalaian kita sendiri.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu*:

((إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ))

Maksudnya: *Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Akhlak mulia bukan hanya tentang sopan santun, tetapi tentang kekuatan jiwa keberanian menolak yang salah dan istiqamah melakukan yang benar. Mendidik bukan menghukum, tetapi menyelamatkan. Ibu bapa, guru, dan masyarakat perlu bersatu hati membimbing anak-anak dengan kasih sayang yang berakar daripada iman. Jangan membiarkan dunia mendidik mereka dengan hawa nafsu, sementara kita diam tanpa tindakan.

Akhlak itu ibarat perisai di medan tempur. Tanpa perisai, seorang tentera akan tewas walaupun senjatanya tajam. Tetapi jika akhlaknya teguh, iman akan memandunya walau di tengah gelombang dunia yang menggoda.

Maka, amanah dan tanggungjawab kita bersama adalah untuk memastikan setiap anak-anak remaja kita faham akan jati diri Muslim yang benar. Remaja perlu sedar ketaatan dan kebergantungan yang tinggi kepada Allah ialah kunci kesejahteraan dunia dan akhirat.

Daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* yang masih remaja, ketika beliau membonceng tunggangan bersama Nabi *sallallahu alaihi wasallam*, baginda berpesan:

((... يَا غُلَامُ، إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، احْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ ...))

Maksudnya: *Wahai anak muda! Aku akan mengajarkan kepada kamu beberapa kalimat: “Jagalah Allah, nescaya Allah akan menjaga kamu. Jagalah Allah, maka engkau akan mendapati-Nya di hadapanmu. Jika engkau memohon (meminta), mohonlah kepada Allah, dan jika engkau meminta pertolongan, mintalah pertolongan kepada Allah.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Itulah rahsia kejayaan, bukan harta, bukan populariti, tetapi hubungan yang kuat dengan Allah *subhanahu wata'ala*. Apabila remaja menjaga hubungannya dengan Allah *subhanahu wata'ala*, Allah *subhanahu wata'ala* akan menjaga maruah, masa depan dan ketenangan jiwanya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kadang-kadang dalam membetulkan gaya hidup, kita sering menggunakan kekasaran berbanding pendekatan berbincang dan mendengar. Tanpa menafikan kepentingan ketegasan dalam menerapkan disiplin mereka di rumah. Namun sebagai seorang muslim, ketegasan dan toleransi perlu bergerak seiring.

Mereka juga mengharap pengiktirafan daripada ibu dan bapa

yang merupakan insan tersayang. Mereka masih kabur tentang baik buruk tindakan yang dilakukan. Mari kita ambil teladan daripada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang menunjukkan cara menasihati dengan kasih sayang. Daripada Muaz bin Jabal *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memegang tangannya sebelum menasihatinya menerusi sabdanya:

((يَا مُعَاذُ، وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ، وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ. فَقَالَ : أُوصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدْعَنِي فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ تَقُولُ : اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ))

Maksudnya: *Wahai Muaz, demi Allah, sesungguhnya aku mengasihimu, demi Allah aku mengasihimu.” Kemudian Baginda bersabda: “Aku wasiatkan kepadamu wahai Muaz, janganlah engkau tinggalkan di penghujung setiap kali solat untuk mengucapkan “Ya Allah, bantulah aku untuk berzikir dan bersyukur kepada-Mu serta beribadah kepada-Mu dengan baik.*

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Remaja perlu dibimbing dengan bimbingan yang ikhlas dan contoh yang nyata. Mereka tidak akan berubah dengan teguran yang menjatuhkan, tetapi dengan perhatian dan kasih sayang yang membina keyakinan. Ibu bapa perlu menunjukkan teladan dalam solat, akhlak dan cara berkomunikasi dengan anak-anak. Rumah yang dipenuhi dengan doa, zikir dan kasih akan melahirkan anak yang tenang dan hormat. Guru pula perlu mendidik dengan sepenuh

hati, bukan sekadar mengajar untuk markah. Ilmu yang disampaikan dengan kasih akan kekal dalam hati murid. Dan masyarakat seluruhnya perlu mewujudkan suasana yang menyokong nilai baik termasuklah menegur dengan sopan, membantu dengan hormat, dan mengelak daripada menyebarkan keaiban.

Wahai anak muda, masa depan Islam ada di bahumu. Jika kamu menjaga akhlakmu, Allah akan menjaga masa depanmu. Sabarkan diri mendengar nasihat orang yang lebih tua terutamanya ibu bapa. Di balik untaian nasihat yang mungkin seolah menghiris hati itu, ada kasih sayang dan keprihatinan mereka. Seandainya, anda berada dalam keluarga yang berantakan, jangan teruskan lagi kitaran tersebut. Biarlah kita menjadi penghenti kitaran negatif dan menjadi lebih baik daripada generasi sebelum kita.

Dan wahai para ibu bapa, jangan pernah putus asa dalam memberi nasihat, bimbingan dan berdoa. Kerana doa yang menitis dari hati yang ikhlas lebih kuat daripada seribu kata-kata di dunia. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita generasi muda yang mencintai ilmu, berakhlak mulia dan menjadi rahmat kepada masyarakat. Semoga setiap rumah menjadi madrasah, setiap ayah menjadi murabbi, dan setiap ibu menjadi cahaya yang menuntun anak menuju ke syurga.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara yang boleh kita ambil sebagai peringatan;

Pertama: Akhlak ialah benteng iman dan pelindung maruah remaja. Tanpa akhlak, ilmu tidak membawa berkat dan kecerdikan tidak menjamin keselamatan.

Kedua: Ibu bapa, guru dan masyarakat mesti berganding bahu membina remaja berjiwa takwa. Mendidik bukan tugas sekolah semata-mata, tetapi tanggungjawab ummah seluruhnya.

Ketiga : Remaja Islam mesti bangkit menjadi contoh dengan menolak budaya maksiat, menolak pengaruh hedonisme, dan membina identiti diri yang berasaskan iman, ilmu dan amal.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ibrahim, ayat 40:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ.
رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۖ رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ (٤٠)

Maksudnya: *Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.*

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum Muslimin yang dikasihi,

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.